

11/10/1998

Larangan demi keselamatan

Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR: Polis menolak permohonan Pas menerusi Majlis Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) untuk mengadakan perhimpunan besar-besaran di Stadium Nasional, Bukit Jalil, 17 Oktober ini atas sebab keselamatan.

Keputusan itu dibuat oleh Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Bakri Zinin, selepas mengambil kira semua aspek termasuk kesan keselamatan sekiranya perhimpunan itu diadakan.

Sebelum ini, pada 7 Oktober lalu, polis turut mengumumkan keputusan menolak permohonan Pemuda Barisan Nasional (BN) mengadakan Perhimpunan Perdana di tempat sama yang sepatutnya diadakan semalam.

Polis menolak permohonan Pemuda BN atas sebab yang sama dan perhimpunan itu dijangka dihadiri lebih 100,000 orang bagi menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Gerak yang turut dipelopori DAP serta sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain ditubuhkan untuk menentang dan mendesak Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan.

Mengenai perhimpunan Gerak itu, Bakri berkata, polis terpaksa bertindak tidak mengeluarkan permit perhimpunan itu atas sebab keselamatan.

Menurutnya, keputusan tidak mengeluarkan permit itu dibuat kelmarin dan pihak penganjur perhimpunan sudah dimaklumkan perkara berkenaan, pagi semalam.

"Penganjurnya, Pas buat permohonan mengadakan perhimpunan besar-besaran 6 Oktober lalu dan kita mempertimbangkan permohonan berkenaan mengikut prosedur biasa dan menolaknya atas sebab keselamatan," katanya.

Mengikut Akta Polis, keputusan mengeluarkan permit untuk sebarang permohonan mengadakan perhimpunan adalah termasuk dalam bidang kuasa ketua polis daerah di mana perhimpunan itu akan diadakan.

Ketua Polis Daerah mesti meneliti pelbagai aspek termasuk soal keselamatan dan ketenteraman awam sebelum mengeluarkan sebarang permit untuk mengadakan sesuatu perhimpunan besar.

Sehubungan itu, Bakri menasihatkan orang ramai supaya tidak hadir pada hari perhimpunan itu dijangka diadakan.

"Jika perhimpunan itu diadakan juga tanpa kebenaran polis, ia dianggap sebagai perhimpunan haram dan polis boleh mengenakan tindakan undang-undang," katanya.

Sebarang percubaan oleh mana-mana pihak termasuk penganjur dan orang ramai yang menyertai perhimpunan haram akan diambil tindakan mengikut Seksyen 27 (8) Akta Polis 1967.

(END)